AKTIVITI MEMBACA

Buku teks [m/s150]

Membaca

Hidup Saling Memahami

IMBAS SAYA

Aktiviti

1. Baca teks dan terangkan makna rangkai kata yang berwarna biru.
2. Masyarakat Malaysia hidup aman harmoni. Jelaskan usaha-usaha untuk mengekalkan keadaan ini.

"Eh, kamu datang seorang saja, Kim Ong! Mana Segaraja?" **terpacul kata-kata** itu dari mulut Najmi sewaktu menyambut kedatangan rakannya itu di muka pintu. Setelah bersalaman, Kim Ong dipersilakan masuk.

"Segaraja tidak dapat datang. Dia mengikut ibu bapanya pergi ke kuil. Ada upacara keagamaan, katanya," jelas Kim Ong. Langkahnya **dihayun kemas** menuju ke ruang tamu rumah banglo setingkat itu.

"Sunyi sepi sahaja rumah kamu, Najmi. Ibu bapa kamu mana?" tanya Kim Ong. Pandangannya **melilau ke sekeliling**. Lehernya dipanjangkan.

"Ibu dan bapa saya ke masjid. Hari ini ada kursus haji. Kalau **tiada aral melintang** dan diizinkan Allah, mereka akan menunaikan haji tahun ini," kata Najmi lalu menghidangkan minuman dan buah-buahan.

"Minumlah dulu, Kim Ong. Selepas minum, barulah kita bekerja," kata Najmi. Bibirnya **menguntumkan senyuman** sambil matanya mengerling ke arah **timbunan buku dan majalah** di atas meja.

Setelah selesai berbual, Najmi dan Kim Ong pun mula **menjalankan operasi** mereka. Mereka mencari bahan yang sesuai bagi menyiapkan teks pidato yang bertajuk, "Kepentingan Menghayati Rukun Negara".

Sehelai demi sehelai **halaman majalah** diselak oleh Kim Ong. Gembiranya Kim Ong apabila terjumpa artikel tentang **keharmonian masyarakat** Malaysia. Artikel itu dibacanya dengan teliti. Dia mencatat fakta-fakta penting untuk dijadikan isi teks pidatonya.

Sedang Kim Ong dan Najmi **ralit menelaah** bahan bacaan tersebut, tiba-tiba laungan azan berkumandang menandakan masuknya waktu solat Asar. Najmi **menyuarakan hajatnya** untuk **mendirikan solat**. Kim Ong akur. Dia faham benar akan tanggungjawab Najmi sebagai Muslim.

Hidup Harmoni

Malaysia ialah negara yang penduduknya menganuti pelbagai agama. Terdapat penganut agama Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan sebagainya di Malaysia.

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Islam ialah agama Persekutuan. Namun begitu, agama-agama lain boleh diamalkan di Malaysia. Hal ini bermakna bahawa walaupun kedudukan agama Islam itu istimewa, Perlembagaan tidak menafikan hak penganut-penganut agama lain.

Rakyat negara ini begitu menghormati agama, budaya dan amalan keagamaan pelbagai bangsa. Sikap saling memahami sudah [illegible] sejak b[illegible]

LIVEWORKSHEETS

A. Padankan *rangkai kata* dan maknanya yang terdapat dalam petikan.

menelaah	tiada halangan
terpacul	nyawa, roh (yg ada dlm tubuh manusia)
melilau	menerima sesuatu ajaran (aliran, fahaman, dsb) sbg pegangan yg teguh
timbunan	mengkaji semula (mengulang) pelajaran
menganuti	longgokan
jiwa	memandang ke sana ke mari
tiada aral	Keluar atau datang dengan tiba-tiba

LIVEWORKSHEETS

B. Isi tempat kosong dengan menggunakan *rangkai kata* yang terdapat dalam petikan.

1. Amir berjalan laju dengan tangannya _____ menuju ke belakang rumah jirannya kerana dikhuatiri perbuatan ponteng sekolah diketahui oleh ibunya.

2. Rahman _____ kepada keluarganya bahawa dia ingin memperisterikan Azie.

3. Kim Swee sedang _____ bahan yang dikongsikan oleh gurunya di aplikasi whatapps.

4. Walaupun rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya tetapi sikap saling hormat-menghormati dan tolak ansur sudah _____ masing-masing.

5. Khairi terlantar sakit di hospital kerana mengalami jangkitan kuman di paru-paru namun dia sentiasa _____kepada pelawat yang datang menziarahinya.

LIVEWORKSHEETS